

PEMBERONTAKAN Par ti Komunis malaya

Pemberontakan Bersenjata Parti Komunis Malaya (1948 - 1989)

[Perang Dunia Kedua](#) dan Pendudukan [Jepun](#) di [Tanah Melayu](#) mulai 8 Disember 1941 telah memberi peluang kepada **Parti Komunis Malaya** untuk memperkuatkan organisasinya. Parti Komunis Malaya yang ditubuhkan pada 20 April 1930 telah bekerjasama dengan pihak [British](#) untuk menentang [Jepun](#) melalui **Malayan People Anti Japanese Army** atau dalam [bahasa Melayu](#) **Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu (MPAJA)** berdasarkan perjanjian yang dibuat pada 8 Disember 1940.

MPAJA

PKM berjaya mempengaruhi British membebaskan semua tahanan politik yang berhaluan kiri. Menerusi [MPAJA](#), bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan lojistik dan perubatan telah diperolehi dari [British](#). Dalam tempoh 3 tahun kekuatan tentera MPAJA dianggarkan sebanyak 7,000 anggota dan tidak hairanlah apabila darurat berlaku pihak [British](#) dan anggota pasukan keselamatan terpaksa berhadapan dengan kesukaran menghapuskan sekumpulan tentera yang telah dilatih untuk berperang. Kerjasama antara PKM dan British telah menghasilkan [Sekolah Latihan Khas 101](#) di [Singapura](#). Latihan yang diberi di sekolah tersebut adalah dalam bentuk [perang gerila](#).

Selepas Jepun menyerah kalah, Parti Komunis Malaya telah mengambil kesempatan untuk berkuasa menerusi gerila-gerila MPAJA. Beberapa siri keganasan dan rusuhan serta pergaduhan antara kaum telah berlaku di Tanah Melayu, terutamanya di bahagian selatan Tanah Melayu. Akibatnya, orang-orang Melayu mulai bertindak-balas terhadap kekejaman anggota komunis Bintang Tiga, seperti pasukan yang diketuai oleh Panglima Salleh Selempang Merah. Kembalinya British dengan pentadbiran tenteranya (BMA) dalam tempoh yang singkat menyebabkan komunis [Bintang Tiga](#) tidak berjaya mengembangkan pengaruh mereka. Akibat kegagalan komunis Bintang Tiga merampas Tanah Melayu dengan gerakan bersenjata, telah membawa kepada persetujuan pembubaran tentera MPAJA dan perletakan senjata api disamping pembayaran suguhati kepada gerila-gerila terbabit.

Bagi meraih simpati, mengindoktrinasi fahaman komunis dan mendapatkan sokongan orang-orang Melayu, pihak Parti Komunis Malaya telah mengasaskan [Parti Kebangsaan Melayu Malaya \(PKMM\)](#) yang diasaskan oleh [Ahmad Boestaman](#) berfahaman kebangsaan dan [Mokhtaruddin Lasso](#) (MPAJA) berfahaman komunis pada 17 Oktober 1945. Parti Komunis Malaya telah menguasai PKMM melalui tokoh-tokoh jawatankuasanya yang terdiri daripada [Mokhtaruddin Lasso](#) (Presiden), [Arshad Ashaari](#) (bendahari), [Rashid Maidin](#) dan [Abdullah C.D.](#) PKMM lebih cenderung bagi Tanah Melayu menyertai Indonesia bagi mendapat kemerdekaan pada 1949.

Terbentuknya **Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948** merupakan kekalahan kepada Parti Komunis Malaya kerana golongan ini telah diketepikan oleh British. Parti Komunis Malaya telah menukar strategi dan mula mencetuskan kegagasan melalui mogok dan rusuhan. Pihak British bertindak balas dengan mengharamkan pemimpin politik daripada mengetuai [kesatuan pekerja](#), dengan itu melemahkan kedudukan komunis Bintang Tiga.

Pihak komunis Bintang Tiga kemudiannya mulai mengangkat senjata dan beberapa siri serangan dan serangan telah berlaku. Bagaimana pun, insiden pada 16 Jun 1948 iaitu pembunuhan tiga orang pengurus estet berbangsa Eropah di [Sungai Siput](#), [Perak](#) telah membawa kepada pengistiharan darurat oleh [Sir Edward Gent](#). Apabila keadaan bertambah teruk, pada 12 Julai 1948, darurat diistiharkan ke seluruh negara. Parti Komunis Malaya telah diharamkan pada 23 Julai 1948. Seluruh angkatan bersenjata telah digerakkan termasuk [*Senoi Praaq](#) bagi menentang komunis.

** Senoi Praaq adalah pasukan bersenjata (pasukan polis hutan) yang dianggotai oleh masyarakat asli kaum Senoi yang mahir bergerak di dalam hutan.*